

SOALAN NO: 78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL  
GHAPUR BIN SALLEH [KALABAKAN]  
TARIKH : 25 JULAI 2017  
SOALAN : 78**

**YB Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Bin Salleh  
[Kalabakan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- a. apakah Kementerian mempunyai rancangan dalam masa terdekat untuk menambah besar bangunan dan kemudahan di Hospital Tawau; dan
- b. jika ada, sebutkan kontraktor pelaksana yang sudah dilantik dan apakah kaedah pelantikan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha menambahbaik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk Sabah. Justeru itu, Kementerian ini memandang serius berhubung kerja-kerja naik taraf fasiliti kesihatan di seluruh Sabah terutamanya projek naik taraf Hospital Tawau.

Untuk makluman, Projek Naiktaraf Hospital Tawau telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Perincian pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

- Kos Projek : RM253,000,000.00
- Skop Projek : 1) 6 Dewan Bedah (OT);  
2) Wad Bedah, Orthopaedik, Maxillofacial, Ophthalmology, Burn dan ICU (154 katil)  
3) 38 Klinik Pakar;  
4) Kecemasan dan Trauma  
5) Unit Hemodialisis;  
6) *Endoscopy Suite*;  
7) Perkhidmatan Sokongan termasuk *Radiology, Pharmacy & CSSD*; dan  
8) Peralatan Perubatan dan Bukan Perubatan (Group 3 & 4)
- Kaedah Pelaksanaan : Reka dan Bina
- Kaedah Perolehan : Tender Terhad
- Kontraktor : Sri Esbina (M) Sdn Bhd
- Tarikh Milik Tapak : 30-05-2017
- Tarikh Siap Semasa : 25-05-2020

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar. Pelantikan kontraktor projek adalah melalui kaedah tender terhad yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia.

Adalah menjadi aspirasi Kementerian ini agar projek ini disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan.